KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	011.03.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	TNB			

TNB potong elektrik 12 premis judi dalam talian

Klang: Dua belas premis yang didapati menjalankan kegiatan perjudian dalam talian di sekitar Klang Utara dikenakan tindakan pemotongan bekalan elektrik menerusi operasi selama dua hari bermula Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Klang Utara, Asisten Komisioner S Vijaya Rao berkata, operasi sehingga semalam itu digerakkan sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara dengan kerjasama TNB.

"Menerusi operasi dengan kerjasama TNB ini, 12 premis dikenakan tindakan pemotongan bekalan elektrik.

"Operasi sama turut dijalankan pada 2020 membabitkan 32 premis, manakala pada tahun lalu, sejumlah 26 premis dikenakan tindakan sama. Semua premis berkenaan sudah diambil tindakan dan dituduh di mahkamah bagaimanapun, aktiviti berkenaan masih diteruskan.

"Justeru, tindakan (pemotongan elektrik) diambil sebagai langkah pencegahan ke atas kegiatan judi dalam talian yang dilihat semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, risikan dan operasi juga akan diteruskan bagi memastikan kegiatan ini dapat dilumpuhkan sepenuhnya.